

03/07/1998

Pantai Selatan bersedia sertai perarakan

CERIA ... dua pekerja, Sukaimi Mohd Yusop (kanan) dan Azrin Masadi (kiri) sedang menyiapkan kereta berhias Kerajaan Johor, 'Pantai Selatan' yang akan menyertai Perarakan Pesta Flora '98.

Pesta penuh warna-warni itu dan menyerikan bandaraya Kuala Lumpur, akan bermula di Dataran Merdeka pada Ahad ini hingga 12 Julai depan.

Pesta Flora ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menyaksikan 'Tournament of Roses Parade' di Pasadena, Amerika Syarikat dijadikan acara tahunan sejak 1991.

Pesta Flora tahun ini akan disertai 10 kereta berhias. Bulan Julai jadi pilihan kerana kebanyakan pembekal bunga lazimnya mengalami kelebihan bekalan.

(END)